



KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

USAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BERSAMA WANITA BARISAN NASIONAL DALAM MENANGANI DENGGI

Kementerian amat mengalu-alukan hasrat murni Wanita Barisan Nasional untuk bekerjasama dalam menangani peningkatan kes Denggi. Selari dengan penekanan kementerian tentang usaha menghapuskan tempat-tempat pembiakan Aedes, kerjasama yang dihulurkan oleh Wanita Barisan Nasional hari ini dilihat mampu meningkatkan lagi aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan nyamuk Aedes yang kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat.

Kementerian berharap usaha kerjasama ini dapat menggerakkan masyarakat setempat untuk terlibat dalam aktiviti gotong royong di lokaliti-lokaliti *hotspot* terutamanya di Lembah Klang. Bilangan *hotspot* yang paling banyak terdapat di Lembah Klang, terutamanya di Negeri Selangor dan menyumbang sebahagian besar daripada jumlah kes di negara kita.

Usaha ini diharap dapat mengurangkan tempat-tempat pembiakan Aedes yang boleh memberi kesan positif kepada aktiviti pencegahan dan kawalan Denggi. Aktiviti gotong royong ini perlu diteruskan secara konsisten oleh komuniti setempat kerana ianya merupakan salah satu langkah efektif menangani wabak Denggi.

Kementerian berharap usaha murni Wanita Barisan Nasional akan menjadi titik permulaan kepada lebih ramai individu atau pertubuhan untuk tampil ke hadapan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan. Justeru itu, kementerian menyeru komuniti agar dapat bersama-sama berusaha ke arah mengubah diri menjadi komuniti yang prihatin dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memusnahkan tempat-tempat pembiakan Aedes.

YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

8 Julai 2014